

30 JUL 2002

DR MAHATHIR MENGUNJUNGI PRESIDEN GHANA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Presiden Ghana John Agyekum Kufuor di sebuah hotel, di sini.

Presiden Kufuor, yang tiba di sini semalam bagi lawatan rasmi empat hari, mengetuai delegasi 27 orang yang terdiri daripada tiga Menteri, para pegawai kanan kerajaan, ahli perniagaan dan wakil-wakil media.

Dr Mahathir diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semasa mesyuarat setengah jam itu yang turut di hadiri oleh isteri Presiden Ghana, Theresa Kufuor.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding.

Sebelum itu, Kufuor menerima sambutan penuh istiadat di Dataran Parlimen. Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Dr Mahathir turut serta dalam menyambut tetamu negara itu.

-- BERNAMA

SHI ZS PR